



# SPN



LAPORAN TAHUNAN 2018

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SELANGOR



LAPORAN TAHUNAN 2018  
**SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SELANGOR**



|                              |    |
|------------------------------|----|
| PERUTUSAN PENGERUSI          | 06 |
| RINGKASAN EKSEKUTIF          | 10 |
| Pengenalan                   | 14 |
| KEANGGOTAAN SURUHANJAYA      | 20 |
| PERKHIDMATAN                 | 36 |
| KHIDMAT PENGURUSAN           | 48 |
| KEWANGAN                     | 52 |
| AKTIVITI TAHUN 2018          | 60 |
| PENCAPAIAN DAN PENGIKTIRAFAN | 72 |
| PENGHARGAAN                  | 76 |





The background is an abstract watercolor painting. It features a mix of warm colors like orange, red, and yellow, transitioning into cooler tones of purple and green at the bottom. There are various watercolor textures, including soft washes and darker, more saturated areas. A prominent, thick yellow brushstroke with a slightly irregular, hand-painted edge runs horizontally across the middle of the image, serving as a backdrop for the text.

# **PERUTUSAN Pengerusi**

## PERUTUSAN Pengerusi



Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Pertamanya saya ingin merakamkan setinggi-tinggi kesyukuran kehadiran ilahi kerana dengan izin-Nya maka Laporan Tahunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor (SPN Selangor) 2018 berjaya disiapkan sebagaimana tuntutan di dalam Bab 10 Perkara XCVII Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959.

Bagi tahun 2018 SPN Selangor telah melaksanakan urusan pengambilan bagi 10 skim perkhidmatan untuk mengisi 68 kekosongan pelbagai jawatan di Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor yang melibatkan sebanyak 5,595 permohonan dan telah melaksanakan urusan pengambilan pegawai lantikan kontrak perkhidmatan (Contract Of Service) yang berkhidmat sekurang-kurangnya 15 tahun ke jawatan tetap bagi 6 skim perkhidmatan yang melibatkan 21 orang pegawai.

SPN Selangor juga telah menerima satu (1) permohonan pelantikan kontrak selepas bersara, 342 perakuan pengesahan dalam jawatan, 19 perakuan pelanjutan tempoh percubaan, 305 permohonan pemberian taraf berpencen dan 23 permohonan pelarasan gaji. Terdapat dua (2) orang pegawai gagal disahkan dalam perkhidmatan dan telah diambil tindakan penamatan perkhidmatan di bawah Peraturan 47 (1), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Selangor (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2005.

Selain itu, SPN Selangor juga telah memperakukan 73 permohonan kenaikan pangkat secara hakiki dan 120 permohonan kenaikan pangkat secara 'Time Based' berasaskan kecemerlangan. Pada tahun 2018 juga, SPN Selangor telah menguruskan sebanyak 23 kes Tatatertib dan 10 kes Rayuan Tatatertib. Keputusan-keputusan yang dibuat adalah melibatkan hukuman buang kerja dan turun pangkat bagi pelbagai kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Selangor (Kelakuan dan Tatatertib) 1995 (Pindaan) 2006.

Saya selaku Pengerusi SPN Selangor merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Selangor dan Urusetia SPN Selangor serta pihak-pihak yang terlibat di atas kerjasama yang telah diberikan.

**YBhg. Dato' Haji Emran Bin Haji Kadir**  
D.S.S.A., A.M.N, S.S.A.  
(PENGURUSI)







The background is an abstract watercolor wash with a color gradient from green at the bottom left to yellow at the top right. A thick, bright yellow horizontal brushstroke with a textured, splattered edge cuts across the middle of the image. The text 'RINGKASAN EKSEKUTIF' is written in a bold, dark blue, sans-serif font, centered within the yellow brushstroke.

# **RINGKASAN EKSEKUTIF**

## RINGKASAN EKSEKUTIF

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor (SPN Selangor) ditubuhkan di bawah Peruntukan Bab 10 Perkara XCVII(1) Undang-undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959 yang menyatakan “Maka hendaklah ditubuhkan suatu Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor yang bidang kuasanya hendaklah, tertakluk kepada peruntukan- peruntukan yang berikut, meliputi semua orang yang menjadi anggota perkhidmatan awam Negeri.”


Perkara XCVII (9) memperuntukan dengan jelas tugas dan fungsi Suruhanjaya sebagai kuasa untuk melantik, mengesahkan dan memasukkan ke dalam perjawatan tetap atau berpencen, kenaikan pangkat, menukarkan dan menjalankan kawalan tatatertib ke atas anggota-anggota perkhidmatan yang diliputi oleh bidang kuasanya.

Buku Laporan Tahunan SPN Selangor ini adalah bagi memenuhi kehendak Perkara XCVII (13) yang mengarahkan Suruhanjaya membuat laporan tahunan tentang kegiatan-kegiatannya kepada Duli Yang Maha Mulia dan salinan-salinan laporan ini hendaklah dibentangkan di dalam Dewan Negeri.

Buku Laporan ini juga mengandungi tugas dan fungsi Suruhanjaya sepanjang tahun 2018 meliputi mesyuarat-mesyuarat utama Suruhanjaya iaitu Mesyuarat Lembaga Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor, Mesyuarat Lembaga Tatatertib Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor dan Mesyuarat Lembaga Rayuan Tatatertib. Selain itu, prestasi urusan perkhidmatan Suruhanjaya dan prestasi perbelanjaan bajet 2018 Suruhanjaya juga dibentangkan dalam buku laporan ini.



**Rosly Bin Ahmad**  
Pegawai Tadbir Diplomatik







# **PENGENALAN**

## PENGENALAN PENUBUHAN & TANGGUNGJAWAB

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor (SPN Selangor) ditubuhkan pada tahun 1960 mengikut Bab 10 Fasal 97 (9) Undang-undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959.

Tanggungjawab Suruhanjaya, sepertimana diperuntukkan di bawah Bab 10 Fasal XCII (9) Undang-undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959 adalah seperti berikut :

“Tertakluk kepada peruntukan mana-mana undang-undang sedia ada dan kepada peruntukan-peruntukan Bahagian ini, maka adalah menjadi kewajipan Suruhanjaya untuk melantik, mengesahkan dan memasukkan ke dalam perjawatan tetap atau berpencen, menaikkan pangkat, menukarkan dan menjalankan kawalan tatatertib ke atas anggota-anggota perkhidmatan yang diliputi oleh bidang kuasanya.”

Sebagai Pihak Berkuasa Tatatertib, Suruhanjaya mempunyai bidang kuasa untuk menimbang dan memutuskan kes pelanggaran tatatertib dengan tujuan dikenakan hukuman turun pangkat atau buang kerja. Walau bagaimanapun, Suruhanjaya boleh menjatuhkan hukuman yang lebih ringan selain daripada turun pangkat atau buang kerja.

Sebagai Lembaga Rayuan Tatatertib, Suruhanjaya mempunyai bidang kuasa untuk menimbang dan memutuskan kes rayuan di atas keputusan yang dibuat oleh Lembaga Tatatertib di peringkat Daerah dan Jabatan Negeri di mana keputusan yang dibuat adalah muktamad.



## **VISI**



**MENDAPATKAN SUMBER TENAGA MANUSIA YANG  
BERKEBOLEHAN DAN KOMPETEN UNTUK BERKHIDMAT  
SELARAS DENGAN CABARAN MASA DAN KEMAJUAN.**



## **MISI**



**MEMBANTU KERAJAAN NEGERI DALAM  
MEWUJUDKAN PERKHIDMATAN AWAM YANG  
BERMUTU TINGGI.**



## **OBJEKTIF**



**MEMBERI PERKHIDMATAN YANG BERMUTU TINGGI,  
TELUS DAN BERKESAN DALAM MEMENUHI KEHENDAK  
"STAKEHOLDER" DAN PERKHIDMATAN AWAM.**



## PIAGAM PELANGGAN

**01**

Menawarkan calon lantikan kepada kerajaan Negeri Selangor dalam tempoh 8 minggu dari tarikh keputusan Mesyuarat Lembaga SPN.

**02**

Mengeluarkan surat keputusan penamatan perkhidmatan dalam tempoh 2 minggu dari tarikh keputusan Mesyuarat Lembaga.

**03**

Mengeluarkan keputusan pengesahan perkhidmatan dalam tempoh 4 minggu dari tarikh permohonan lengkap diterima.

**04**

Mengeluarkan surat Pelarasan Penetapan Gaji Permulaan dalam tempoh 4 minggu dari tarikh permohonan lengkap diterima.

**05**

Mengeluarkan keputusan pemberian taraf berpencen dalam tempoh 4 minggu dari tarikh permohonan lengkap diterima.

**06**

Mengeluarkan surat kelulusan pelanjutan tempoh percubaan dalam tempoh 2 minggu selepas keputusan Mesyuarat Ahli Lembaga.

**07** Mengeluarkan keputusan pertukaran perkhidmatan dalam tempoh 2 minggu selepas keputusan Mesyuarat Lembaga SPN.

**08** Mengeluarkan surat keputusan tindakan tatatertib dalam tempoh 2 minggu selepas keputusan Mesyuarat Lembaga Tatatertib SPN.

**09** Mengeluarkan surat keputusan rayuan tatatertib dalam tempoh 2 minggu selepas keputusan Mesyuarat Lembaga Rayuan Tatatertib.

**10** Mengeluarkan keputusan pertukaran pelantikan melalui opsyen dalam tempoh 2 minggu selepas keputusan Mesyuarat Lembaga SPN.

**11** Mengeluarkan keputusan urusan kenaikan pangkat dalam tempoh 2 minggu dari tarikh keputusan Mesyuarat Lembaga SPN.

**12** Mencapai kepuasan pelanggan 85% dalam penilaian kepuasan pelanggan tahunan.







# **KEANGGOTAAN SURUHANJAYA**

**SPN**



1.




1.  
YBHG.DATO' HAJI  
EMRAN BIN HAJI KADIR

2.  
YBHG. DATUK SERI  
AB HAKIM BIN BORHAN

2.



3.



4.



4.  
YBHG. DATO' ZULKEPLI BIN  
AHMAD

5.  
YBHG. DATO' HAJI MOHAMAD  
ROSLAN BIN SAKIMAN

5.





6.



7.

6.  
YBHG. DATO' HAJI  
KAMARULZAMAN BIN JAMIL

7.  
YBHG. DATO' HAJI MOHD  
MISRI BIN HAJI IDRIS



3.  
YBHG. DATO' HAJI  
ASMAWI BIN KASBI

8.  
YBHG. PUAN ZABIDAH  
BINTI AWANG



8.



10.  
YBHG. TUAN ZAILANI  
BIN KADIR



9.  
YBHG. TUAN HAJI MOHD  
BASORI BIN UMAR



9.



10.



**YBHG.DATO' HAJI EMRAN  
BIN HAJI KADIR**  
PENERUS



**AHLI LEMBAGA PENGARAH  
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SELANGOR**

**YBHG. DATUK SERI AB HAKIM  
BIN BORHAN**  
TIMBALAN PENERUSI

**AHLI LEMBAGA**

**YBHG. DATO' HAJI ASMAWI  
BIN KASBI**

**YBHG. DATO' HAJI MISRI  
BIN HAJI MOHD IDRIS**

**YBHG. DATO' ZULKEPLI  
BIN AHMAD**

**YBHG. PUAN ZABIDAH  
BINTI AWANG**

**YBHG. DATO' HAJI MOHAMAD  
ROSLAN BIN SAKIMAN**

**YBHG. TUAN HAJI MOHD  
BASORI BIN UMAR**

**YBHG. DATO' HAJI  
KAMARULZAMAN BIN JAMIL**

**YBHG. TUAN ZAILANI  
BIN KADIR**

AHLI LEMBAGA SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SELANGOR







URUSETIA

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SELANGOR











ROSLY BIN AHMAD



NOR HAFIZA BINTI ISHAK



SITI NORHAYATI BINTI MOKTI



SITI HAJAR BINTI MOHNI



MOHAMAD AZRUL BIN SHARIFF



SUHAILAH BINTI ZAKARIA



MUHAMMAD ANAS BIN SAHID



AINIL HUDA BINTI MOHD SALEH



AMIRUL AIMAN BIN RABIEN



MOHARI BIN MISRAN



NOOR AMILINA BINTI  
MUHAMMAD KAMAL



WAN NUR SYAHIRAH  
BINTI AZHAR



NOOR ASYIKIN BINTI ABDUL AZIZ



MD SHARIFUDDIN BIN A. RAHMAN



SITI ZULAIKHAH BINTI ABU SAMAH



SITI RAHMAH HAYATI  
BINTI AHMAD ZIN

**SPN** 




**ROSLY BIN AHMAD**  
PEGAWAI TADBIR DIPLOMATIK M44  
(MENANGGUNG)

**WAN NUR SYAHIRAH  
BINTI AZHAR**  
PEMBANTU SETIAUSAHA PEJABAT  
N19/N22



## CARTA ORGANISASI SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SELANGOR



## BAHAGIAN PERKHIDMATAN



## BAHAGIAN PENTADBIRAN









**PERKHIDMATAN**

## PENGAMBILAN

Berikut adalah statistik pengisian jawatan tetap di bawah pentadbiran Negeri Selangor yang telah dilaksanakan oleh unit Pengambilan Suruhanjaya. Iklan kekosongan telah dibuat di tiga (3) akhbar utama iaitu Berita Harian, Sin Chew Jit Poh dan Tamil Nesan.

Suruhanjaya telah menerima 5,595 permohonan bagi 10 jawatan yang diiklankan yang mengisi 138 kekosongan di Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.

### PENGAMBILAN BAGI TAHUN 2018

|    | NAMA<br>JAWATAN                                                | JUMLAH<br>PERMOHONAN | JUMLAH<br>CALON BERJAYA |
|----|----------------------------------------------------------------|----------------------|-------------------------|
| 01 | PENOLONG PEGAWAI HAL EHWAL ISLAM GRED S29                      | 747                  | 2                       |
| 02 | PENOLONG PEGAWAI HAL EHWAL ISLAM<br>(PENOLONG IMAM) GRED S29   | 224                  | 1                       |
| 03 | PENOLONG PEGAWAI PEMBANGUNAN<br>MASYARAKAT GRED S29            | 1,140                | 1                       |
| 04 | PENOLONG PEGAWAI VETERINAR GRED G29                            | 298                  | 8                       |
| 05 | PENOLONG PEMELIHARA HUTAN GRED G29                             | 446                  | 4                       |
| 06 | PENGAWAS HUTAN GRED G19                                        | 390                  | 23                      |
| 07 | PEMBANTU HAL EHWAL ISLAM GRED S19                              | 855                  | 7                       |
| 08 | PEMBANTU HAL EHWAL ISLAM<br>(PEMBANTU IMAM) GRED S19           | 241                  | 3                       |
| 09 | PEMBANTU PEMBANGUNAN MASYARAKAT GRED S19                       | 1,240                | 4                       |
| 10 | PEMBANTU OPERASI GRED N11 (KHAS UNTUK<br>PEJABAT DYMM. SULTAN) | 14                   | 10                      |
|    | <b>JUMLAH</b>                                                  | <b>5,595</b>         | <b>63</b>               |



## PENGAMBILAN COS KE LANTIKAN TETAP

Suruhanjaya telah menjalankan pelaksanaan pengambilan pegawai lantikan kontrak perkhidmatan (Contract of Service) yang telah berkhidmat sekurang-kurangnya 15 tahun selaras dengan pengumuman Kerajaan Persekutuan dalam pembentangan Belanjawan 2016. Dasar ini berkuatkuasa mulai tarikh 1 Julai 2016. Berikut adalah data pengambilan pegawai perkhidmatan kontrak (COS 15) lantikan tetap tahun 2018 yang telah dilaksanakan oleh Suruhanjaya.

### PENGAMBILAN COS KE LANTIKAN TETAP BAGI TAHUN 2018

| NAMA<br>JAWATAN |                                           | JUMLAH<br>PERMOHONAN | JUMLAH<br>CALON BERJAYA |
|-----------------|-------------------------------------------|----------------------|-------------------------|
| 01              | PEGAWAI TADBIR GRED N41                   | 1                    | 1                       |
| 02              | PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN GRED DG29 | 10                   | 10                      |
| 03              | PEMBANTU TADBIR (P/O) GRED N19            | 4                    | 2                       |
| 04              | PEMBANTU OPERASI GRED N11                 | 1                    | 1                       |
| 05              | PEMBANTU HAL EHWAL ISLAM GRED S19         | 1                    | 1                       |
| 06              | PEMBANTU PENGUATKUASA GRED KP19           | 6                    | 6                       |
| JUMLAH          |                                           | 23                   | 21                      |

## PENAMATAN

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor telah menerima dua (2) permohonan kes penamatan seperti berikut:

| NAMA JAWATAN                   | PERMOHONAN | JUMLAH PERMOHONAN |          |
|--------------------------------|------------|-------------------|----------|
|                                |            | LULUS             | TOLAK    |
| 01 PENGAWAS HUTAN GRED G19     | 1          | 1                 | -        |
| 02 PENOLONG JURUTERA GRED JA29 | 1          | 1                 | -        |
| <b>JUMLAH</b>                  | <b>2</b>   | <b>2</b>          | <b>-</b> |

## MESYUARAT BAHAGIAN PERKHIDMATAN

Terdapat tiga (3) Mesyuarat Utama yang dijalankan di Bahagian Perkhidmatan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor.

Bagi memastikan Urusan Perkhidmatan di Suruhanjaya ini dilaksanakan secara efektif dan efisien, Suruhanjaya telah menjalankan Mesyuarat Lembaga Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor, Mesyuarat Lembaga Tatatertib Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor dan Mesyuarat Lembaga Rayuan Tatatertib Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor pada setiap bulan.

Manakala Mesyuarat Lembaga Rayuan Tatatertib diadakan sekiranya terdapat rayuan daripada pegawai yang terkilan dengan keputusan Lembaga Tatatertib.

|    | NAMA JAWATAN                                                                         | JUMLAH |
|----|--------------------------------------------------------------------------------------|--------|
| 01 | MESYUARAT LEMBAGA<br>SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SELANGOR                   | 12     |
| 02 | MESYUARAT LEMBAGA TATATERTIB<br>SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SELANGOR        | 12     |
| 03 | MESYUARAT LEMBAGA RAYUAN TATATERTIB<br>SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SELANGOR | 9      |

## PERMOHONAN URUSAN PERKHIDMATAN

Senarai ringkasan urusan Perkhidmatan bagi Tahun 2018

|    | PERKARA                            | JUMLAH PERMOHONAN |           |            | TEMPOH (MINGGU) |           |
|----|------------------------------------|-------------------|-----------|------------|-----------------|-----------|
|    |                                    | LULUS             | TOLAK     | SELESAI    | ≤4              | ≥4        |
| 01 | PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN      | 334               | 8         | 326        | 304             | 22        |
| 02 | PEMBERIAN TARAF BERPENCEN          | 294               | 11        | 283        | 275             | 8         |
| 03 | PELANJUTAN TEMPOH PERCUBAAN        | 17                | 2         | 15         | 15              | 0         |
| 04 | PENETAPAN PELARASAN GAJI PERMULAAN | 23                | 2         | 21         | 21              | 0         |
| 05 | PERMOHONAN KONTRAK LEPAS BERSARA   | 1                 | 0         | 1          | 1               | 0         |
|    | <b>JUMLAH</b>                      | <b>669</b>        | <b>23</b> | <b>646</b> | <b>616</b>      | <b>30</b> |



## PERMOHONAN KENAIKAN PANGKAT

Kenaikan pangkat secara hakiki bagi Tahun 2018

| SKIM PERKHIDMATAN |                                                              | BILANGAN   |            |                |                  |
|-------------------|--------------------------------------------------------------|------------|------------|----------------|------------------|
|                   |                                                              | KEKOSONGAN | PERMOHONAN | HADIR TEMUDUGA | BERJAYA TEMUDUGA |
| 01                | PEGAWAI PERKHIDMATAN<br>PENDIDIKAN<br>GRED DG41 KE GRED DG44 | 13         | 14         | 13             | 13               |
| 02                | PEMBANTU TADBIR<br>(KEWANGAN)<br>GRED W19 KE GRED W22        | 15         | 48         | 47             | 15               |
| 03                | PEMBANTU TADBIR (P/O)<br>GRED N26 KE GRED N28                | 7          | 8          | 7              | 7                |
| 04                | PENGHULU<br>GRED NP36 KE GRED NP40                           | 1          | 3          | 3              | 1                |
| JUMLAH            |                                                              | 36         | 73         | 70             | 36               |

Kenaikan pangkat secara Time-Based bagi Tahun 2018

| SKIM PERKHIDMATAN |                                                                       | BILANGAN   |       |     |       |
|-------------------|-----------------------------------------------------------------------|------------|-------|-----|-------|
|                   |                                                                       | PERMOHONAN | LULUS | KIV | TOLAK |
| 01                | PEGAWAI PERKHIDMATAN<br>PENDIDIKAN<br>GRED DG44 KE GRED DG48          | 2          | 2     | 0   | 0     |
| 02                | PEGAWAI PERKHIDMATAN<br>PENDIDIKAN<br>GRED DG32 KE GRED DG34          | 38         | 37    | 0   | 1     |
| 03                | PEGAWAI PERKHIDMATAN<br>PENDIDIKAN<br>GRED DG29 KE DG32               | 19         | 18    | 0   | 1     |
| 04                | PENOLONG PEGAWAI<br>HAL EHWAL ISLAM<br>GRED S29 KE GRED S32           | 1          | 1     | 0   | 0     |
| 05                | PENOLONG PEGAWAI<br>PERANCANG BANDAR & DESA<br>GRED JA29 KE GRED JA36 | 6          | 6     | 0   | 0     |
| 06                | PENOLONG JURUTERA<br>GRED JA29 KE GRED JA36                           | 3          | 3     | 0   | 0     |
| 07                | PENOLONG<br>JURUUKUR BAHAN<br>GRED JA29 KE GRED JA36                  | 2          | 2     | 0   | 0     |
| 08                | PENOLONG<br>PEGAWAI SENIBINA<br>GRED JA29 KE GRED JA36                | 1          | 1     | 0   | 0     |

| SKIM PERKHIDMATAN |                                                        | BILANGAN   |       |     |       |
|-------------------|--------------------------------------------------------|------------|-------|-----|-------|
|                   |                                                        | PERMOHONAN | LULUS | KIV | TOLAK |
| 09                | PELUKIS PELAN<br>GRED JA19 KE GRED JA22                | 2          | 2     | 0   | 0     |
| 10                | JURUAUDIO VISUAL<br>GRED N19 KE GRED N22               | 3          | 3     | 0   | 0     |
| 11                | PEMBANTU TADBIR (P/O)<br>GRED N19 KE GRED N22          | 6          | 4     | 0   | 2     |
| 12                | PEMBANTU TADBIR<br>(KEWANGAN)<br>GRED W19 KE GRED W22  | 19         | 19    | 0   | 0     |
| 13                | PEMBANTU<br>SETIAUSAHA PEJABAT<br>GRED N19 KE GRED N22 | 2          | 2     | 0   | 0     |
| 14                | PEGAWAI KHIDMAT<br>PELANGGAN<br>GRED N19 KE GRED N22   | 8          | 8     | 0   | 0     |
| 15                | PEMBANTU HAL<br>EHWAL ISLAM<br>GRED S19 KE GRED S22    | 1          | 1     | 0   | 0     |
| 16                | PEGAWAI KESELAMATAN<br>GRED KP11 KE GRED KP14          | 1          | 1     | 0   | 0     |
| 17                | PEMANDU KENDERAAN<br>GRED R3 KE GRED R6                | 2          | 2     | 0   | 0     |
| 18                | PEKERJA AWAM<br>GRED R1 KE GRED R4                     | 4          | 4     | 0   | 0     |
| JUMLAH            |                                                        | 120        | 116   | 0   | 4     |

Pertukaran pelantikan dalam Perkhidmatan

| SKIM PERKHIDMATAN |                                   | BILANGAN   |       |     |       |
|-------------------|-----------------------------------|------------|-------|-----|-------|
|                   |                                   | PERMOHONAN | LULUS | KIV | TOLAK |
| 01                | PEMBANTU TADBIR (P/O)<br>GRED N19 | 1          | 1     | 0   | 0     |
| JUMLAH            |                                   | 1          | 1     | 0   | 0     |



**TATATERTIB**

Laporan kes Tatatertib Tahun 2018

| KES    |                                    | BILANGAN KES |
|--------|------------------------------------|--------------|
| 01     | TIDAK HADIR BERTUGAS DAPAT DIKESAN | 17           |
| 02     | KETIRISAN AMANAH                   | 3            |
| 03     | JENAYAH                            | 1            |
| 04     | JENAYAH SYARIAH (KHALWAT)          | 1            |
| 05     | KEMALANGAN                         | 1            |
| JUMLAH |                                    | 23           |

## Laporan Kes Rayuan Tatatertib

| JABATAN                                              | JAWATAN                             | KES                                |
|------------------------------------------------------|-------------------------------------|------------------------------------|
| 01 JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR                      | PEMBANTU TADBIR (P/O) GRED N19      | TIDAK HADIR BERTUGAS DAPAT DIKESAN |
|                                                      | PEMBANTU TADBIR (P/O) GRED N19      | TIDAK HADIR BERTUGAS DAPAT DIKESAN |
|                                                      | PEMBANTU TADBIR (P/O) GRED N19      | TIDAK HADIR BERTUGAS DAPAT DIKESAN |
|                                                      | PEMBANTU HAL EHWAL ISLAM GRED S19   | TIDAK HADIR BERTUGAS DAPAT DIKESAN |
|                                                      | JURUAUDIO VISUAL GRED N19           | JENAYAH SYARIAH                    |
|                                                      | PEMBANTU OPERASI N11                | TIDAK HADIR BERTUGAS DAPAT DIKESAN |
| 02 JABATAN PERHUTANAN NEGERI SELANGOR                | PENGAWAS HUTAN G19                  | TIDAK HADIR BERTUGAS DAPAT DIKESAN |
|                                                      | PEMANDU KENDERAAN H11               | TIDAK HADIR BERTUGAS DAPAT DIKESAN |
| 03 JABATAN KEBAJIKAN MASAYARAKAT NEGERI SELANGOR     | PEMBANTU PEMBANGUNAN MASYARAKAT S19 | KETIRISAN AMANAH                   |
| 04 PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR (SUK) | PEMANDU KENDERAAN H11               | KEMALANGAN                         |





# **KHIDMAT PENGURUSAN**



## MESYUARAT BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

Terdapat satu (1) Mesyuarat Utama yang dijalankan di Bahagian Perkhidmatan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor.

| MESYUARAT               | JUMLAH |
|-------------------------|--------|
| 01 MESYUARAT PENGURUSAN | 12     |

## PELANCARAN DDMS 2.0 SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SELANGOR

Pembangunan DDMS 2.0 bertujuan meningkatkan kecekapan kawalan ke atas rekod rasmi Kerajaan dan seterusnya meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan. Sistem ini juga telah mematuhi akta arkib Negara 2003 dan MS ISO 16175 dalam pengurusan rekod secara elektronik. Pelancaran sistem secara atas talian telah dibuat pada 10 April 2018 di Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor oleh bahagian Pembangunan Aplikasi Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU). Pegawai SPN Selangor telah menjalani Latihan DDMS 2.0 di bilik latihan 1MOCC, Aras 4 Cyberjaya pada 28 Mac 2018. Pegawai yang terlibat ialah Puan Nor Hafiza binti Ishak, Puan Siti Norhayati binti Mokti, Encik Mohammad Anas bin Sahid dan Encik Md Sharifuddin bin A.Rahman.

## PELANCARAN SISTEM PENGAMBILAN JAWATAN KOSONG SECARA ATAS TALIAN (eSPNS)

Sistem Pengambilan Jawatan Kosong Secara Atas Talian (eSPNS) yang baharu telah mula digunakan bermula pada sesi pengambilan tahun 2018 menggantikan sistem Myrecruitment.

Pelaksanaan sistem baharu ini adalah bagi permohonan jawatan kosong yang diiklankan oleh SPN pada 22 April 2018 hingga 7 Mei 2018. Penggunaan sistem baharu ini telah dapat melancarkan urusan pengambilan perjawatan awam Negeri Selangor dan telah berjaya mengendalikan sejumlah 5,595 permohonan secara atas talian.

## **PELUPUSAN REKOD**

Suruhanjaya telah melupuskan rekod secara permusnahan mengikut arahan perbendaharaan 150 dan tatacara panduan pemusnahan dokumen kerajaan. Dokumen yang dilupuskan adalah borang permohonan jawatan kosong tahun 2016 yang gagal melepasi temuduga. Sebanyak lebih 2,500 borang permohonan jawatan pada tahun 2016 yang dilupuskan. Permohonan kelulusan pelupusan ke Arkib Negara Malaysia pada 9 Januari 2018. Surat kebenaran pelupusan dari Arkib Negara Malaysia pada 4 Mei 2018. Kerja-kerja pelupusan borang di MTES secara rinci pada 4 Julai 2018. Surat penentusahan pemusnahan Rekod Awam (Arkib 12108) bertarikh 11 Julai 2018.

## **LAWATAN KE SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA**

Lawatan sambil belajar ke Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia pada 5 September 2018. Lawatan diketuai oleh Setiausaha Encik Rosly bin Ahmad, Penolong Pegawai Tadbir Puan Nor Hafiza binti Ishak, Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Puan Siti Norhayati binti Mokti, Pembantu Tadbir Kanan Encik Mohari bin Misran dan kakitangan Suruhanjaya yang lain. Lawatan bertujuan mempelajari pembangunan sistem Epengesanan yang dilaksanakan di SPA Malaysia di samping bertukar-tukar pandangan. Taklimat dan penerangan disampaikan oleh Ketua Pengarah Bahagian Pengambilan SPA Malaysia.



The background is an abstract watercolor wash. It features a large, soft orange and pink area on the left, transitioning into a lighter yellow and pink area on the right. There are various watercolor splatters and textures throughout. A bright yellow, horizontal brushstroke with a feathered, dynamic edge cuts across the middle of the image, serving as a background for the text.

**KEWANGAN**




## LAPORAN KEWANGAN SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SELANGOR

Peruntukan kewangan yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri Selangor kepada SPN Selangor bagi tahun 2018 adalah sebanyak **RM2,096,641.00**. Daripada jumlah tersebut sebanyak **RM1,812,478.85** atau **86.45%** telah dibelanjakan seperti pecahan dalam JADUAL 1

### JADUAL 1

Peruntukan dan Perbelanjaan Mengurus Tahun 2018

|    | PERKARA       | PERUNTUKAN<br>(RM)  | PERBELANJAAN<br>(RM) | PRESTASI<br>(%) |
|----|---------------|---------------------|----------------------|-----------------|
| 01 | B07           | 1,622,717.00        | 1,379,188.85         | 84.99           |
| 02 | T03           | 473,924.00          | 433,290.00           | 91.43           |
|    | <b>JUMLAH</b> | <b>2,096,641.00</b> | <b>1,812,478.85</b>  | <b>86.45</b>    |



## BELANJA MENGURUS BEKALAN (B07)


### PERUNTUKAN BELANJA MENGURUS BEKALAN (B07)

Sebanyak **RM1,622,717.00** telah diperuntukkan di bawah maksud bekalan (B07). Dari jumlah itu sebanyak **RM798,516.00** untuk Emolumen, **RM715,498.00** untuk Perkhidmatan dan Bekalan, **RM104,683.00** untuk Aset dan **RM4,020.00** untuk Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap. Perbelanjaan sebenar pada tahun 2018 ialah **RM1,379,188.85** atau 84.99%. Prestasi Perbelanjaan Mengurus bagi tahun 2018 adalah seperti JADUAL 2

### JADUAL 2

Pecahan Peruntukan Perbelanjaan mengurus bekalan (B07)

|    | PERKARA                                        | PERUNTUKAN<br>(RM)  | PERBELANJAAN<br>(RM) | PRESTASI<br>(%) |
|----|------------------------------------------------|---------------------|----------------------|-----------------|
| 01 | Emolumen<br>(10000)                            | 798,516.00          | 640,661.85           | 80.23           |
| 02 | Perkhidmatan &<br>Bekalan (20000)              | 715,498.00          | 634,141.08           | 88.63           |
| 03 | Aset<br>(30000)                                | 104,683.00          | 104,385.92           | 99.72           |
| 04 | Pemberian &<br>Kenaan Bayaran<br>Tetap (40000) | 4,020.00            | 0.00                 | 0.00            |
|    | <b>JUMLAH</b>                                  | <b>1,622,717.00</b> | <b>1,379,188.85</b>  | <b>84.99</b>    |





## BELANJA MENGURUS TANGGUNGAN (T03)


### PERUNTUKAN BELANJA MENGURUS TANGGUNGAN (T03)

Sebanyak **RM473,924.00** telah diperuntukkan di bawah maksud tanggungan (T03). Dari jumlah itu sebanyak **RM383,401.00** untuk Emolumen, **RM17,323.00** untuk Perkhidmatan dan Bekalan dan **RM73,200.00** untuk Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap. Perbelanjaan sebenar pada tahun 2018 ialah **RM433,290.00** atau **91.43%**. Prestasi Perbelanjaan Mengurus bagi tahun 2018 adalah seperti JADUAL 3

### JADUAL 3

Pecahan Peruntukan Perbelanjaan mengurus tanggungan (T03)

|    | PERKARA                                        | PERUNTUKAN<br>(RM) | PERBELANJAAN<br>(RM) | PRESTASI<br>(%) |
|----|------------------------------------------------|--------------------|----------------------|-----------------|
| 01 | Emolumen<br>(10000)                            | 383,401.00         | 350,250.00           | 91.35           |
| 02 | Perkhidmatan &<br>Bekalan (20000)              | 17,323.00          | 9,840.00             | 56.80           |
| 03 | Pemberian &<br>Kenaan Bayaran<br>Tetap (40000) | 73,200.00          | 73,200.00            | 100.00          |
|    | <b>JUMLAH</b>                                  | <b>473,924.00</b>  | <b>433,290.00</b>    | <b>91.43</b>    |







# **AKTIVITI TAHUN 2018**

## AKTIVITI TAHUN 2018

| AKTIVITI                                                                     | TARIKH         |
|------------------------------------------------------------------------------|----------------|
| 01 AUDIT PANJAR                                                              | 2 JAN 2018     |
| 02 MAJLIS ANGKAT SUMPAH JAWATAN AHLI LEMBAGA SPN SELANGOR                    | 30 JAN 2018    |
| 03 TAKLIMAT HARTA PUSAKA                                                     | 25 JAN 2018    |
| 04 BENGKEL PENCAPAIAN SKT 2017 DAN PERANCANGAN SASARAN SKT 2018              | 9 FEB 2018     |
| 05 AUDIT SISTEM MYRECRUITMENT                                                | 19 FEB 2018    |
| 06 TEMUDUGA PEGAWAI PERKHIDMATAN SISWAZAH GRED DG41-DG44                     | 20 FEB 2018    |
| 07 TEMUDUGA PENGAMBILAN JAWATAN ISTANA                                       | 21 FEB 2018    |
| 08 OUTREACH PERJAWATAN 2018                                                  | 1 MAC 2018     |
| 09 BENGKEL PELUPUSAN ASET DAN STOK                                           | 21 MAC 2018    |
| 10 TAKLIMAT SISTEM DDMS 2.0                                                  | 22 MAC 2018    |
| 11 KURSUS PEMANTAPAN PENGURUSAN SPK, PENILAIAN RISIKO DAN PELUANG ORGANISASI | 29-30 MAC 2018 |
| 12 PANEL APPC 2018                                                           | 2 APRIL 2018   |
| 13 RECRUITMENT MANAGEMENT SYSTEM                                             | 5 APRIL 2018   |
| 14 MAJLIS PERPISAHAN                                                         | 5 APRIL 2018   |
| 15 TAZKIRAH RINGKAS OLEH USTAZ KAMARUDDIN                                    | 13 APRIL 2018  |
| 16 PELUPUSAN FAIL                                                            | 13 APRIL 2018  |



|    |                                                                                                                               |                    |
|----|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------|
| 17 | TAKLIMAT CYBER SECURITY, KNOWLEDGE SHARING & PENYERAHAN SIJIL                                                                 | 8 MEI 2018         |
| 18 | TEMUDUGA KENAIKAN PANGKAT W19 KE W22                                                                                          | 14-15 MEI 2018     |
| 19 | PERBINCANGAN BUKU LAPORAN TAHUNAN 2017                                                                                        | 21 MEI 2018        |
| 20 | PERBINCANGAN BERSAMA ARKIB NEGARA                                                                                             | 22 MEI 2018        |
| 21 | JAMUAN HARI RAYA SPN SELANGOR                                                                                                 | 27 JUN 2018        |
| 22 | PELUPUSAN BORANG                                                                                                              | 3-4 JULAI 2018     |
| 23 | LAWATAN KE SPA MALAYSIA                                                                                                       | 19 JULAI 2018      |
| 24 | TEMUDUGA PENGAMBILAN PEN. PEG. VETERINAR G29,<br>PEN. PEMELIHARA HUTAN G29 &<br>PEN. PEG. HAL EHWAL ISLAM (PENOLONG IMAM) S29 | 24-25 JULAI 2018   |
| 25 | KURSUS MS ISO 9001:2015 AUDIT DALAMAN                                                                                         | 1-2 OGOS 2018      |
| 26 | TAKLIMAT DDMS 2.0                                                                                                             | 13 OGOS 2018       |
| 27 | LAWATAN SPA PAHANG KE SPA SELANGOR                                                                                            | 17 OGOS 2018       |
| 28 | 'GO LIVE' DDMS 2.0                                                                                                            | 21 OGOS 2018       |
| 29 | CERAMAH PSIKOLOGI (RINATHO BIN NUNCHI)                                                                                        | 28 OGOS 2018       |
| 30 | TAKLIMAT PENGURUSAN ADUAN AWAM (SISPAA)                                                                                       | 3 SEPTEMBER 2018   |
| 31 | AUDIT KESELAMATAN                                                                                                             | 7 NOVEMBER 2018    |
| 32 | BENGKEL PENGEMASKINIAN DOKUMEN MS ISO 9001:2015                                                                               | 9-11 NOVEMBER 2018 |
| 33 | KURSUS MYPORTFOLIO                                                                                                            | 30 NOV-2 DIS 2018  |
| 34 | AUDIT PEMANTAUAN MS ISO 9001:2015                                                                                             | 12 DISEMBER 2018   |

**AUDIT****AUDIT PANJAR****AUDIT SISTEM MYRECRUITMENT****AUDIT KESELAMATAN****AUDIT PEMANTAUAN MS ISO 9001:2015**

## MAJLIS ANGKAT SUMPAH JAWATAN AHLI LEMBAGA SPN SELANGOR



## BENGKEL PENCAPAIAN SKT 2017 DAN PERANCANGAN SASARAN SKT 2018





## TEMUDUGA



TEMUDUGA PENGAMBILAN  
JAWATAN ISTANA



TEMUDUGA KENAIKAN PANGKAT  
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
NEGERI SELANGOR 2018

## TAKLIMAT



TAKLIMAT HARTA PUSAKA



'GO LIVE' DDMS 2.0



TAKLIMAT CYBER SECURITY, KNOWLEDGE SHARING & PENYERAHAN SIJIL



TAKLIMAT DDMS 2.0

## LAWATAN



LAWATAN KE SPA MALAYSIA



LAWATAN SPA PAHANG KE SPN SELANGOR



## KURSUS PEMANTAPAN PENGURUSAN SPK, PENILAIAN RISIKO & PELUANG ORGANISASI



## PANEL APPC 2018



## MAJLIS PERPISAHAN



MAJLIS PERPISAHAN PT (P/O) N22 (TBK)  
PUAN ZAIYANAH BINTI ZAINUDIN



MAJLIS PERPISAHAN PPTM FA29  
PUAN AFFIZAH BINTI MOHD HANIFFA  
& PUAN MARDIANA BINTI DOL HAJI

## PELUPUSAN FAIL





## JAMUAN HARI RAYA SPN SELANGOR



## BENGKEL PENGEMASKINIAN DOKUMEN MS ISO 9001:2015



## KURSUS MYPORTFOLIO







The background is an abstract watercolor wash with a color gradient from orange at the top to green at the bottom. A bright yellow horizontal brushstroke with multiple overlapping strokes cuts across the middle of the image. The text is centered on this yellow stroke.

# **PENCAPAIAN & PENGIKTIRAFAN**



TARIKH PENERIMAAN SIJIL: 2 NOVEMBER 2018

Pencapaian 100% KPI HRMIS Tahun 2017 Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor.





## Sijil Pematuhan Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2015



THE INTERNATIONAL CERTIFICATION NETWORK

## CERTIFICATE

IQNet and SIRIM QAS International hereby certify that

**SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SELANGOR**  
 TINGKAT 1, BANGUNAN DARUL EHSAN  
 NO. 3, JALAN INDAH, SEKSYEN 14  
 40000 SHAH ALAM  
 SELANGOR DARUL EHSAN  
 MALAYSIA

has implemented and maintains a

**QUALITY MANAGEMENT SYSTEM**

which fulfils the requirements of the following standard

**ISO 9001:2015**

for the following activities

HUMAN RESOURCE MANAGEMENT COVERING RECRUITMENT,  
 CONFIRMATION IN SERVICE, CONFERMENT OF PENSION STATUS,  
 PROMOTION, DISCIPLINARY ACTION AND TERMINATION OF SERVICE  
 FOR STATE'S PUBLIC SERVANTS.

|                      |                    |
|----------------------|--------------------|
| Issued on            | : 06 December 2016 |
| Validity date        | : 19 December 2019 |
| Certification Number | : MY-AR 6024       |



**Michael Drechsel**  
President of IQNet



**Mohd Azanuddin Salleh**  
Managing Director  
SIRIM QAS International Sdn Bhd



IQNet Partners\*:  
 AFNOR Spain AFNOR Certification France Vincotte Belgium APCER Portugal CCC Cyprus  
 CISQ Italy CQC China CQM China CQS Czech Republic Cro Cert Croatia DQS Holding GmbH Germany  
 FCAV Brazil PORDONORMA Venezuela ICONTEC Colombia IMNC Mexico Inspecta Certification Finland INTECO Costa Rica  
 IRAM Argentina JQA Japan KQF Korea MIRTEC Greece MSZT Hungary Nemko AS Norway NSAI Ireland PCB Poland  
 Quality Austria Austria RR Russia SGE Mexico SII Israel SIQ Slovenia SIRIM QAS International Malaysia  
 SQS Switzerland SRAC Romania TEST St Petersburg Russia TSE Turkey YUQS Serbia  
 IQNet is represented in the USA by: AFNOR Certification, CISQ, DQS Holding GmbH and NSAI Inc.

\* This attestation is directly linked to the IQNet Partner's original certificate and shall not be used as a stand-alone document  
 \*\* The list of IQNet partners is valid at the time of issue of this certificate. Updated information is available under [www.iqnet-certification.com](http://www.iqnet-certification.com)



## SIJIL



SIRIM QAS International Sdn. Bhd. dengan ini mengesahkan bahawa

**SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SELANGOR  
TINGKAT 1, BANGUNAN DARUL EHSAN  
NO. 3, JALAN INDAH, SEKSYEN 14  
40000 SHAH ALAM  
SELANGOR DARUL EHSAN  
MALAYSIA**



telah melaksanakan Sistem Pengurusan Kualiti yang menepati

**ISO 9001:2015**

*QUALITY MANAGEMENT SYSTEMS - Requirements*



Skop Pensijilan

**PENGURUSAN SUMBER MANUSIA MERANGKUMI URUSAN PELANTIKAN,  
PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN, PEMBERIAN TARAF BERPENCEN,  
KENAIKAN PANGKAT, TINDAKAN TATATERTIB DAN PENAMATAN  
PERKHIDMATAN BAGI ANGGOTA KERJA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI.**

Tarikh dikeluarkan : **06 Disember 2016**  
Tempoh sah : **20 Disember 2016 - 19 Disember 2019**  
No. Pensijilan : **AR 6024**



**SIRIM QAS International Sdn. Bhd.**  
(No. Spesis: 410334-K)  
1, Perjanian Date? 7 Menorel  
Seksyen 2, Rte Sunat 7035  
40700 Shah Alam  
Selangor Darul Ehsan  
MALAYSIA  
Tel: 60-3-5544 6404  
Fax: 60-3-5544 6787

<http://www.sirim-qas.com.my>  
<http://www.malayiancertified.com.my>

Pengarah Urusan  
SIRIM QAS International Sdn. Bhd.

Pengalangan siji ini tertakluk kepada peraturan-peraturan dan syarat-syarat tempata dalam Perjanjian Pensijilan

## PENGHARGAAN

Suruhanjaya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan di atas kerjasama semua pihak dalam membantu Suruhanjaya melaksanakan fungsinya sepanjang tahun 2018. Rakaman penghargaan ini ditujukan khusus kepada YB Setiausaha Kerajaan Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, dan jabatan-jabatan peringkat negeri yang bekerjasama erat dalam urusan perkhidmatan dan tatatertib penjawat awam lantikan negeri.

Suruhanjaya juga mengucapkan terima kasih kepada urusetia Suruhanjaya di atas komitmen dan kesungguhan dalam memastikan integriti dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan dengan mengamalkan tadbir urus cekap berdasarkan Sistem MS ISO 9001:2015, Ikrar Bebas Rasuah (IBR) dan KPI (Key Performance Indicators) HRMIS oleh Kerajaan Negeri Selangor.

Kerjasama dan keprihatinan Kerajaan Negeri Selangor juga menjadi dorongan kuat kepada Suruhanjaya untuk terus menggandakan usaha dan iltizam dalam menjalankan fungsi Suruhanjaya secara telus dan adil. Di samping itu, Suruhanjaya berharap wujud kerjasama erat antara Suruhanjaya-suruhanjaya Negeri dan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia bagi melicinkan lagi urusan perkhidmatan penjawat awam ke arah melahirkan penjawat awam yang unggul.